

# UPM menang lima pingat di BIS

SERDANG 2 Nov. - Tiga penyelidik Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi lima pingat termasuk dua anugerah khas pada pameran British Invention Show (BIS) baru-baru ini.

Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff mendapat anugerah khas atau Diamond Award bagi kategori *Natural Earth* dan satu pingat emas dengan produk yang sama iaitu *GIS-Based System For Paddy Precision Farming*.

Produk tersebut adalah berkaitan dengan penggunaan teknologi pertanian khusus untuk tanaman padi yang boleh mengoptimumkan penggunaan baja dan racun serta memaksimumkan potensi pengeluaran hasil.

Dr. Norhafizah Abdullah pula memenangi anugerah khas, Double Gold Award bagi kategori Industrial dan pingat emas bagi produk *Supercritical AntiSolvent for Nanoparticles Encapsulation*.

Produk itu menemukan cara untuk mengapsulkan ubat-ubatan dalam saiz

yang kecil dengan penggunaan sistem *supercritical fluid anti solvent (SAS)*.

Pingat emas ketiga UPM diraih oleh Prof. Madya Dr. Sabira Khatun dengan produk *Intelligent Traffic Management System (ITMS) with Smart Auto Driven Vehicle (SDAV)*.

Pada tahun ini, BIS mempertandingkan 131 projek penyelidikan dari seluruh dunia dengan 38 daripadanya disertai oleh institusi pengajian tinggi awam dari Malaysia.

Sementara itu, kecemerlangan UPM dalam penyelidikan dan pendidikan terbukti apabila diumumkan sebagai pemenang *Technology Business Review ASEAN Award 2008 for Excellence* dalam Sektor Pengurusan Pendidikan ASEAN (Universiti Penyelidikan).

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menerima trofi kristal kemenangan itu daripada Ketua Pegawai Eksekutif Chopard Malaysia, A.B.M. Shah Jahan pada majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antara-

bangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Dalam ucapannya, beliau mengucapkan terima kasih kepada panel pemilih yang mengiktiraf pencapaian UPM buat kali kedua dan melafazkan penghargaan kepada semua warga UPM yang telah melonjakkan penyelidikan dan pendidikan universiti itu ke tahap tertinggi.

UPM merupakan universiti tunggal yang memenangi kategori Universiti Penyelidikan selepas memenangi anugerah dan kategori yang sama pada tahun lalu.

Anugerah yang diperkenalkan sejak tahun 2006 itu diberikan kepada organisasi yang cemerlang meningkatkan prestasi, inovasi, kepuasan pelanggan, pengurusan sumber manusia dan tanggungjawab sosial korporat.

Pada tahun ini, sebanyak 25 organisasi daripada 11 sektor korporat, 20 individu bagi kategori kepimpinan dan lima syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menerima anugerah tersebut.



CEMERLANG... Prof. Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (kiri) menerima trofi *Technology Business Review ASEAN Award 2008* daripada A.B.M Shah Jahan di Putrajaya, baru-baru ini.